

LKTN sasar RM350 juta nilai industri



Shamsul Iskandar (tengah) beramah mesra bersama pengamal media menerima sijil penghargaan pada Majlis Anugerah Citra dan Khidmat Bakti, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara di Kota Bharu kelmarin.

KOTA BHARU - Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) menyasarkan nilai industri sebanyak RM350 juta menjelang tahun 2025 selaras Pelan Industri Pembangunan Industri Kenaf (PIPK).

Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, LKTN akan memperhebatkan publisiti dan pemasaran barangan kenaf melalui jualan atas talian.

"Contohnya E-Bay, Amazon, Walmart, Ali-Express serta tidak ketinggalan Lazada, Shopee dan sebagainya. Visi saya, pro-

duk kenaf akan terjual di seluruh dunia," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Citra dan Khidmat Bakti, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2019 di Hotel Perdana di sini kelmarin.

Bercakap kepada pemberita selepas itu Shamsul Iskandar memberitahu, PIPK 2015-2025 menetapkan pembangunan yang merangkumi sektor hulu, pertengahan dan hiliran.

"Ia melibatkan bahan binaan, automotif dan penerbangan dengan keluasan 10,000 hektar yang bakal mewujudkan peluang pe-

kerjaan," katanya.

Hadir sama, Pengerusi LKTN, Wan Rahim Wan Abdullah dan Ketua Pengarah LKTN, Samsuddin Noor.

Menurutnya, jualan produk kenaf menunjukkan perkembangan positif dengan hasil jualan kira-kira RM5.5 juta pada tahun lalu iaitu peningkatan RM3.6 juta berbanding RM1.848 juta tahun 2017.

Beliau berkata, pihaknya menyasarkan penjualan sebanyak RM7 juta tahun ini dan sehingga Mei LKTN telah memperoleh hasil jualan sebanyak RM2.23 juta.